

04 AUG 2002

LID-Media (Rangkuman)/I

MEDIA NEGARA SELATAN PERLU TINGKATKAN KEPERCAYAAN

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

LANGKAWI, 4 Ogos (Bernama) -- Persoalan sama ada boleh dipercayai atau tidak sesama pengamal media di negara-negara Selatan yang dibangkitkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Dialog Antarabangsa Langkawi Global 2002 (Global 2002 LID) tentunya memerlukan perhatian serius dalam konteks perkongsian pintar.

Hingga ke satu tahap, ia mungkin mencerminkan amalan berat sebelah dan laporan tidak tepat mereka sendiri, menyebabkan mereka bertindak mengetepikan berita-berita yang dikeluarkan oleh rakan sejawatan.

Mereka mungkin mempunyai alasan mereka sendiri kerana tidak menggunakan berita yang disediakan di bawah rangkaian pertukaran berita seperti Smart News Network International (SNNi).

SNNi, terhasil pada Dialog Antarabangsa Langkawi pada 2000, dilancarkan semasa Dialog Antarabangsa Selatan Afrika di Kampala, Uganda tahun lepas. Bernama, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia merupakan sekretariat bagi pertukaran berita antara pertubuhan media Afrika dan Malaysia.

SNNi dianggotai lapan negara iaitu Mozambique, Lesotho, Afrika Selatan, Uganda, Zimbabwe, Botswana, Namibia dan Malaysia.

Media di selatan bagaimanapun kelihatan lebih cenderung untuk menggunakan berita-berita yang disalurkan oleh agensi berita asing, sebagaimana yang dinyatakan oleh seorang editor sebuah akhbar tempatan, ia lebih cepat dan mudah.

Tetapi persoalan penting ialah bagaimana berita yang boleh dipercayai dikeluarkan oleh agensi berkenaan mempunyai kebenaran dan ketepatan.

Dalam kebanyakan kes, berita berkenaan selalunya disensasikan dengan pandangan negatif dan mempunyai agenda tersembunyi terhadap kerajaan atau pemimpin yang memerintah.

Mengenai persoalan laporan negatif oleh media, Robert Kabushenga, setiausaha syarikat New Vision, akhbar utama Uganda menjelaskan bahawa media memberi penekanan mengenai perkara-perkara yang negatif tetapi berita negatif itu ditulis dengan harapan bahawa pihak berkuasa akan menangani isu-isu yang dibangkit.

Media juga pada masa yang sama menerbitkan berita-berita positif tetapi selalunya tidak dilihat oleh pembaca daripada berita yang negatif.

Kabushenga juga mengemukakan cadangan yang menarik iaitu supaya SNNi diperluaskan kepada rangkaian berita televisyen dan radio antarabangsa bagi bertindak balas terhadap laporan berita yang diputar belit oleh media barat.

Anggota SNNi boleh menyalurkan berita dari negara masing-masing untuk diudarkan kepada penonton dan pendengar antarabangsa, katanya.

Malaysia, kata beliau boleh menyediakan kemudahan penubuhan saluran berkenaan kerana ia mempunyai kemudahan komunikasi dan teknikal yang mencukupi untuk mengubah SNNi daripada bentuknya sekarang kepada pusat media antarabangsa dengan capaian hampir di peringkat dunia.

Kedua-dua satelit Malaysia boleh digunakan sepenuhnya untuk tujuan itu, katanya.

Buat masa ini, berita disumbangkan oleh anggota rangkaian SNNi melalui laman web dan mereka bebas memuat turun berita dan menggunakannya untuk penerbitan.

Dalam hal ini, Bernama, yang kini merupakan sekretariat SNNi, menyatakan kesediaannya untuk lebih berperanan dalam liputan luar negara termasuk perkhidmatan audio visual.

Ia merancang untuk membuka lebih banyak biro mulai tahun depan, termasuk di Asia Barat.

Ketua Pengarang Bernama Jaafar Hussin berkata agensi berita itu akan berusaha mendapatkan pembiayaan tambahan daripada kerajaan bagi membolehkannya menghantar berita dan visual dengan peralatan dan kemudahan yang lebih baik.

Beliau juga berkata Bernama sedang menunggu masa yang sesuai untuk melaksanakan transmisi langsung berita kepada mereka yang berkenaan di luar negara.

Satu lagi perkembangan positif di Global 2002 LID ialah minat yang ditunjukkan oleh Seychelles, Mauritius dan Ghana untuk menyertai SNNi.

Dalam menyambut baik tambahan keanggotaan SNNi, media negara-negara selatan juga perlu meningkatkan penggunaan saluran berita melalui rangkaian berita sebagai sumber berita alternatif.

Kemampuan menyalurkan berita sama ada dalam bentuk cetak atau melalui gelombang dari negara selatan tentunya akan menyediakan kesan yang mendalam kepada peranan media negara selatan dari segi perkongsian pintar dalam menyampaikan maklumat, pengetahuan dan pengalaman bagi membantu dalam pembangunan negara.

-- BERNAMA

AFY SHY TS NHD